

## Inovasi umpan tiruan anai-anai diiktiraf AIN

Penyelidikan selama 12 tahun untuk menghasilkan inovasi umpan tiruan anai-anai menggunakan tandan buah kosong sawit memberikan kejayaan kepada pensyarah

Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abdul Syukor Abd Razak, 45, apabila menerima Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2017 kategori produk, kelmarin.

Pencapaian membanggakan itu melayakkannya menerima

hadiah RM50,000, piala dan sijil penghargaan yang menjadi pelengkap kepada pelbagai anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa diraih sebelum ini.

Abdul Syukor yang mengajar dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar tidak menyangka usahanya itu melayakkannya menerima anugerah tertinggi peringkat kebangsaan dalam kategori produk.

Kekuatan inovasi umpan tiruan anai-anai dengan nama komersialnya Pisoptera menembusi pasaran antarabangsa selain berada di pasaran tempatan tujuh tahun dengan jualan lebih 1.5 juta unit setahun.

Katanya, produk Pisoptera kini dipasarkan syarikat UMP Ecopest Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik UMP dengan 24 kakitangan beroperasi di pusat komersial bandar Gambang.



ABDUL Syukor menunjukkan anugerah yang diterima.